



BEGINILAH suasana di pusat pemindahan banjir selepas Kota Tinggi ditenggelami air.

# Lima hari meredah banjir

um 21/1

## Berbaring di atas tikar, mereka lena dalam keletihan dan kerisauan terhadap nasib malang yang kini menimpa buat kali kedua. Anak-anak kecil yang baru mengenali dunia turut tidur nyenyak.

DUIT di dalam poket ketika itu tinggal RM38.40 sen. Baju yang dibawa, dua helai dan seluar hanya sehelai. Keadaan ketika itu begitu kelam-kabut dengan hujan lebat menyebabkan bandar Kota Tinggi sedikit demi sedikit tenggelam.

Tanpa disedari, kami kini terperangkap bersama ribuan mangsa banjir yang lain.

Penulis bersama jurugambar, Nooradzrene Mohd. Noor tiba di Kota Tinggi pada 12 Januari untuk melaporkan keadaan banjir.

Ketika kereta yang dinaiki memasuki kawasan bandar, firasat di hati ada yang berbisik hujan luar biasa kemungkinan akan berlaku sekali lagi namun perkara tersebut tidak terlalu difikirkan.

Ketika kami tiba, anggota-anggota Rejimen 1 Renjer Diraja Malaysia Kem Majidee, yang diketuai Leftenan Kolonel Abdul Rahman A. Wahab sedang giat menjalankan usaha memindahkan mangsa-mangsa banjir dengan menggunakan trak tentera.

Beberapa kawasan mula dinaiki air namun ia masih belum melampaui paras pinggang.

Kami meminta izin untuk menyertai operasi anggota tentera itu. Sedihnya, jumlah mereka yang berdegil boleh dikatakan lebih banyak daripada yang mahu berpindah.

### Hujan

Mungkin mereka merasakan hujan itu hujan biasa. Tanggapan mereka salah kerana hujan itulah menenggelamkan Kota Tinggi.

Dalam menjalankan tugas pada hari pertama, kami bergerak dari satu kawasan ke kawasan lain. Sesetengahnya kami menaiki kenderaan namun kebanyakannya, lebih menggunakan tapak kaki.

Dalam keadaan lencun dibasahi hujan, kami melihat sekumpulan demi sekumpulan penduduk mula mengangkat barang mereka yang termampu ke pusat pemindahan.

Antara perkara yang kami turut lakukan adalah meninjau paras air Sungai Johor di Jambatan Kota Tinggi. Jam ketika itu menunjukkan pukul 1 petang dan paras air Sungai Johor yang kami lihat adalah 2.8 meter yang merupakan paras bahaya.

Kami kembali ke jambatan dalam tiga jam kemudian dan amat mengejutkan apabila paras air mencecah 3.0 meter.

Kami terus bergerak dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain. Nooradzrene atau yang lebih dikenali sebagai Bob sibuk merakam satu demi satu gambar dan penulis sebagai seorang wartawan membuat catatan demi catatan tentang apa yang berlaku.

Pengalaman kami memasuki Kota Tinggi pada gelombang pertama Disember lalu membuatkan kami tahu kemungkinan yang akan terjadi selepas ini.

Menaiki bot dengan lampu isyarat jalan di sebelah kami adalah satu perkara yang tidak kami mahu ulangi. Kemusnahan yang berlaku semasa itu terlalu teruk dan cukuplah rasanya penduduk Kota Tinggi menderita.

Namun kuasa Tuhan melebihi segalanya dan hujan tetap tidak mahu berhenti.

Dalam keadaan bencana yang hampir berlaku, semua insan menjadi ramah tanpa mengira apa juga perbezaan. Tua atau muda, bangsa mahupun agama, semuanya saling bantu-membantu.

Begitu juga dengan sesama media di mana perjalanan saya dan Bob turut ditemani seorang jurugambar, Shahrul M. Zain dari akhbar *New Straits Times*.

Berikutan keadaan kelam-kabut yang berlaku, tanpa disedari Shahrul tiba-tiba tercicir dari kumpulan kami. Hanya apabila berpaling ke belakang, kami melihatnya kebasahan kerana tergelincir dalam air banjir setinggi paras peha.

Simpatim timbul apabila didapati peralatan kameranya rosak dimasuki air. Bagaimanapun, dia gigih menyambung tugasnya menggunakan kamera rakannya yang juga salah seorang penduduk Kota Tinggi.

Berada di tempat orang, kami agak bingung bagaimana untuk menghantar laporan dan gambar kami.

Editor-editor di Johor Bahru dan Kuala Lumpur ternanti-nanti bagaimana keadaan banjir di Kota Tinggi dengan hampir seluruh daerah di Johor kini mengalami banjir.

Doa kami akhirnya terjawab dengan bantuan seorang rakan yang baru kami kenali, Cikgu Ahmad.

Rakan kami itu bermurah hati memin-

jamkan akses Internet di rumahnya.

Dengan keadaan lencun dan kebasahan kami tidak membuang masa untuk menghantar laporan hari pertama banjir. Kami amat bersyukur dengan kemudahan itu kerana di sebuah kafe siber yang kami pergi terdahulu telah terputus bekalan elektriknya.

Lagipun, kami berkemungkinan tidak mampu membayar perkhidmatan tersebut untuk lima hari.

Jalan untuk keluar dari Kota Tinggi, sama ada melalui Johor Bahru, Mersing, Kulai, Kluang ataupun Kahang, semuanya terputus pada malam itu.

Kerana tidak mahu menyusahkan sesiapa, malam itu kami memutuskan untuk tidur bersama-sama mangsa banjir lain di pusat pemindahan sementara.

Perut agak kelaparan namun kami sedar yang kami hanya orang asing di tempat orang. Bantuan yang diberikan itu sepatutnya untuk mereka dan bukannya kami.

Kami agak bernasib baik kerana Ahli Parlimen Tenggara, Datuk Dr. Adham Baba sudi membelanja kami makan di sebuah restoran di kawasan bandar.

Selepas kekenyangan, kami kembali ke pusat pemindahan untuk tidur merehatkan lelah bersama mangsa-mangsa banjir lain.

### Tidur

Penulis dan Bob memilih untuk tidur di penjuru pintu di sebuah balai raya yang dijadikan pusat pemindahan.

Timbul rasa kasihan melihat nasib para penduduk Kota Tinggi yang terpaksa meninggalkan rumah mereka yang ditenggelami banjir dan tidur bersesak-sesak dalam ruang yang bukannya selesa.

Berbaring di atas tikar, mereka lena dalam keletihan dan kerisauan terhadap nasib malang yang kini menimpa buat kali kedua. Anak-anak kecil yang baru mengenali dunia turut tidur nyenyak.

Keadaannya sama sahaja di mana-mana pusat pemindahan. Mereka yang masih belum tidur hanya mampu tersenyum pahit apabila melihat kami.

Mereka tidak meminta nasib sebegitu rupa, dugaan demi dugaan membuatkan mereka terus tertekan. Segala harta benda, malah semua yang ada di rumah tidak berkesempatan untuk diselamatkan.

Sesetengah dari mereka telah pun membeli perabot dan peralatan elektrik baru bagi menggantikan yang hancur pada banjir bulan Disember lalu.

Dalam keadaan malang berterusan, terfikir di benak penulis, mampukah mereka memulihkan kembali kehidupan mereka?

Perjalanan hidup kewartawan diteruskan lagi keesokkan harinya. Hari kedua dibuka dengan hujan yang masih berterusan.

Bagaimanapun apa yang memeranjatkan kami apabila melihat restoran yang kami pergi malam tadi telah dinaiki air.

Masa seolah-olah berlalu terlalu perlahan namun kemusnahannya dapat dilihat dengan hampir kesemua aras bawah di premis-premis perniagaan ditenggelami banjir.

Boleh dikatakan hampir 10 kilometer persegi kawasan di bandar Kota Tinggi pada ketika itu ditenggelami air. Paras banjir di bandar tersebut adalah melebihi tiga meter dan ia sama sekali bagaikan lautan yang melumpuhkan kehidupan penduduk.

Tiada lagi bank atau stesen minyak yang beroperasi kerana semuanya dinaiki air.

Peranan kereta pada waktu itu diambil alih oleh bot-bot yang berlegar-legar di jalan raya kawasan bandar. Kebanyakannya adalah bot penyelamat yang terdiri daripada tentera dan polis serta bot orang awam yang digunakan untuk membawa masuk bekalan bantuan berbentuk makanan dan pakaian.

Bagaimanapun, senario hari pertama masih berulang. Sesetengah penduduk masih enggan berpindah walaupun air semakin mencecah ke tingkat dua bangunan.

Keadaan tersebut turut menimbulkan tekanan kepada pasukan penyelamat yang terpaksa berulang kali ke kawasan dinaiki air berikutan keadaan bertambah teruk.

Kawasan yang terselamat di Kota Tinggi pada ketika itu boleh diibaratkan sebuah pulau. Penduduk-penduduk yang berada di dalamnya terkepung kerana kesemua kawasan yang mengelilinginya dinaiki air.

Jalan masuk dan keluar hanya boleh dilalui melalui bot atau helikopter.

Dalam kekalutan yang berlaku, kelihatan masih ada penduduk yang terperangkap tidak mengendahkan bahaya yang berlaku.

Mereka sesuka hati bermain air banjir yang nyata kotor kerana bercampur dengan air longkang dan sampah. Penyakit-penyakit bawaan air seperti Leptospirosis dan taun adalah salah satu kemungkinan yang perlu mereka awasi.

Keadaan juga semakin berbahaya dengan arus yang dibawa air banjir semakin lama

semakin deras berikutan hujan berterusan.

Kebimbangan turut timbul sekiranya ada di antara penduduk yang mati lemas.

Penulis serta Bob pada waktu itu tetap meneruskan tanggungjawab kami melaporkan keadaan walaupun menyedari risiko yang berlaku.

Masyarakat di luar Kota Tinggi perlu menyedari yang penduduk-penduduk di Kota Tinggi amat memerlukan bantuan mereka.

Pada ketika itu, kami amat berterima kasih kepada pihak Majlis Daerah Kota Tinggi serta Jabatan Pengairan & Saliran Kota Tinggi yang membantu meminjamkan komputer dan akses Internet kepada kami yang hadir serba kekurangan tanpa sebarang peralatan mahupun kelengkapan harian.

Gambar serta berita terus disampaikan untuk melaporkan situasi terkini. Bagi tempat bermalam, kami bersyukur dapat menumpang di rumah seorang lagi rakan baru kami, Md. Nor, biarpun kawasan itu terputus bekalan elektrik kerana banjir yang berlaku.

Soal makan minum kami selama terperangkap di Kota Tinggi langsung tidak kami titik beratkan. Kerak nasi yang dimakan berkuahkan sos tomato pada waktu itu sudah cukup menyelerakan.

Ada satu ketika, roti canai yang sempat dibeli untuk mengalas perut dimakan berkuahkan air hujan.

Dalam keadaan bencana, kami menyedari yang keutamaan perlu diberikan kepada

Lihat muka 34 >>



BOT menjadi kenderaan di 'jalan raya'.